

Headline	Zidane tonik sebenar UniKL		
MediaTitle	Harian Metro	Language	Malay
Date	18 Jan 2020	Readership	338,115
Circulation	112,705	Page No	46
Section	Arena	Journalist	N/A
ArticleSize	139 cm ²		
PR Value	RM 16,365		



Zidane tonik sebenar UniKL



Kuala Lumpur: Kehadiran semula Tengku Ahmad Ta-juddin Abdul Jalil (*gambar*) bersama pasukan nyata memberi suntikan semangat kepada Universiti Kuala Lumpur (UniKL) yang mencatat kemenangan keempat liga dengan mene-waskan TNB Thunderbolts 4-2 semalam.

Tengku yang lebih dike-nali sebagai Zidane dalam kalangan rakan sepasukan, dilihat berada di tempat du-duk pemain meskipun baru keluar dari hospital.

Dia selamat menjalani pembedahan di bahagian ra-hang selepas mengalami ke-cederaan teruk terkena pu-kulan bola yang kuat ketika bertemu Hockademy pada perlawanan kedua liga.

“Saya rasa dia mesin bu-kan manusia. Zidane sudah menjalani latihan ringan dengan pemain lain wa-laupun baru keluar hospital dan memerlukan masa an-tara empat hingga enam minggu untuk kembali pu-lih.

“Saya boleh katakan dia menjadi pemain contoh bagi pasukan kami. Dia mem-beri satu tenaga dan sema-ngat tambahan kepada pe-main.

“Ketika Zidane berada di hospital, pemain nampak tidak begitu bersemangat ketika menjalani latihan,” kata pengendali UniKL, Arul Selvaraj.

Pada perlawanan yang berlangsung di Stadium Hoki Nasional Bukit Jalil itu, Thunderbolts di depan me-nerusi jaringan padang Nasrul Syahkhir Sadikul se-awal minit ke-4.

Namun UniKL bangkit meledak tiga gol sumba-nungan Muhammad Razie Abd Rahim minit ke-5, Izwan Firdaus Ahmad Ta-juddin (m-14) dan Mo-hamad Faid Farhadh Mo-hamad Shah (m-25).

Thunderbolts cuba mera-patkan jurang apabila memperoleh gol kedua hasil pukulan sudut penalti Mu-hammad Fahmi Khalid mi-nit ke-46 sebelum Timothy Deavin mengesahkan ke-menangan UniKL menerusi gol padang minit ke-49.